

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTERA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred	Jadual Gaji Minimum-Maksimum		
Gred J41	: RM2359.72	-	RM6896.67
Gred J44	: RM3419.52	-	RM7265.52
Gred J48	: RM5004.49	-	RM8353.44
Gred J52	: RM5638.17	-	RM9104.86
Gred J54	: RM5938.49	-	RM9713.89

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2359.72)

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT LANTIKAN 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) memiliki kelayakan dalam perenggan 1 (c) di atas;

		(b) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
		(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan
PENETAPAN PERMULAAN	GAJI	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN		4. Jurutera Gred J41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN		5. Jurutera boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN		6. Jurutera Gred J41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN		7. Jurutera Gred J41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN TAHUNAN	GAJI	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J44	PANGKAT	9. Jurutera Gred J41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J44 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J48

10. Jurutera Gred J44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J48 yang kosong apabila te1ah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J52

11. Jurutera Gred J48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J52 yang kosong apabila te1ah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J54

12. Jurutera Gred J52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J54 yang kosong apabila te1ah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

13. Jurutera Gred J54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.